



GARIS PANDUAN LESEN PUSAT SIBER & KAFE SIBER

1. Pekerja asing tidak dibenarkan bekerja di pusat siber dan kafe siber. Pekerja perlu mendaftar bagi mendapatkan pas/kad pekerja yang akan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan mestilah berumur 18 tahun ke atas.
2. Aktiviti utama pusat siber dan kafe siber adalah dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja.
3. Pengusaha hendaklah menyediakan pengimbas MyKad Solution (B3 Cafe) sebagai rekod kemasukan pelanggan bagi tujuan semakan oleh Majlis pada bila-bila masa. Pengimbas tersebut akan merekod butir-butiran pelanggan seperti:
 - i. Nama Pelanggan;
 - ii. Nombor kad pengenalan;
 - iii. Umur;
 - iv. Masa mula dan tamat penggunaan;
 - v. Nombor telefon (jika perlu);
 - vi. IP komputer dan IP talian internet yang digunakan; dan
 - vii. Memastikan penggunaan 'firewall' sebagai 'web filtering' untuk menghalang akses kepada laman web yang tidak dibenarkan.
4. Masa beroperasi dihadkan sehingga pukul 12:00 tengah malam sahaja. Manakala bagi pengunjung di bawah umur 12 tahun, mereka dibenarkan mengunjungi pusat tersebut sehingga pukul 10:00 malam sahaja serta ditemani oleh ibu bapa atau penjaga.
5. Pusat siber dan kafe siber tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan-kawasan sensitif seperti rumah ibadat dan lain-lain kawasan yang dirasakan tidak wajar oleh Pegawai Melesen. Jarak minima yang dibenarkan hendaklah sekurang-kurangnya 500 meter radius dari kawasan tersebut.
6. Pusat siber dan kafe siber hanya dibenarkan **beroperasi di kompleks Perniagaan, rumah kedai / kedai pejabat, tingkat bawah dan tingkat 1 sahaja dan premis binaan sendiri di kawasan luar bandar (sokongan daripada Ahli Majlis diperlukan).**
7. Aktiviti-aktiviti berikut adalah **DILARANG** :
 - i. Menjalankan apa-apa bentuk aktiviti perjudian;
 - ii. Memuat naik, memuat turun atau mengakses gambar atau mencetak, video atau artikel kurang sopan atau lucah dan yang berunsur hasutan;
 - iii. Menjual apa-apa bahan bercetak yang berunsur negatif dan lucah;
 - iv. Menjalankan apa-apa bentuk aktiviti hiburan termasuk muzik siar pusat (*pipe music*);
 - v. Pelajar berpakaian seragam sekolah di dalam premis;
 - vi. Menjual atau menggunakan minuman beralkohol, rokok atau dadah berbahaya di premis;
 - vii. Merokok di dalam premis
 - viii. Menayangkan atau mempamerkan apa-apa gambar yang tidak sesuai dengan adat resam, agama dan nilai murni masyarakat Malaysia;



- ix. Melakukan apa-apa aktiviti tidak bermoral di dalam premis; dan
 - x. Iklan yang tidak berlesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan.
-
- 8. Premis hendaklah berkonsep terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang dan pengudaraan yang baik. Pintu atau dinding hadapan premis hendaklah menggunakan kaca atau apa-apa benda lutsinar yang lain dan tidak dibenarkan untuk diwarnakan atau ditampal dengan apa-apa bahan yang menghalang penglihatan.
 - 9. Kedudukan komputer hendaklah diletakkan dalam ruangan yang terbuka iaitu tidak berbilik, tidak berpintu dan tidak dibenarkan penggunaan '*partition*'.
 - 10. Menyeragamkan papan tanda pusat siber atau kafe siber dengan penggunaan nama 'Pusat Siber Sihat'.
 - 11. Pengusaha pusat siber dan kafe siber juga hendaklah mengambil perhatian ke atas aspek-aspek kebersihan dan diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna (MGB 240 Liter / MGB 660 Liter) serta tandas awam yang berasingan antara lelaki dan wanita.
 - 12. Aktiviti penyediaan atau penjualan makanan dan minuman atau apa-apa aktiviti perniagaan hendaklah di ruangan yang berasingan dari aktiviti pusat siber dan kafe siber.
 - 13. Menyediakan notis / papan tanda berhubung larangan-larangan di perkara 7.
 - 14. Lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dipamerkan di kaunter pendaftaran premis sepanjang masa.
 - 15. Lesen boleh dibatalkan sekiranya pemilik premis membuat pelanggaran syarat atau larangan-larangan melebihi (3) tiga kali setahun.
 - 16. Bilangan minima komputer bagi memulakan perniagaan Pusat Siber dan Kafe Siber ialah 40 komputer dengan jarak (1 unit komputer bagi setiap 1.2 m²)